

Peluang Thaksin dapat nasihat, panduan Dr M

BH - 26/07/03.

LANGKAWI ~~Perdana Menteri~~ Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dengan rakan sejawatnya dari Thailand, Thaksin Shinawatra, di Langkawi esok diibaratkan seperti pertemuan antara adik dengan abang.

Duta Besar Thailand ke Malaysia, Chaisiri Ananarn, berkata pertemuan itu dilihat penting kerana memberi peluang kepada Thaksin mendapat nasihat dan panduan daripada Dr Mahathir sebelum bersara Oktober depan.

"Malaysia dan Thailand seperti kawan lama. Pertemuan kedua-dua pemimpin ini membolehkan Thaksin mendapat nasihat berguna dari Dr Mahathir yang diakui pemimpin terkemuka dunia," katanya ketika dihubungi di Kuala Lumpur, semalam.

Beliau berkata, pertemuan itu mengulangi pertemuan kedua-dua pemimpin berkenaan ketika Thaksin melawat negara ini pada April 21 hingga 25 April 2001, diikuti lawatan Dr Mahathir ke negara gajah putih itu pada Julai tahun lalu.

Bagaimanapun, Chaisiri menyifatkan pertemuan esok lebih penting terutama kepada Thaksin yang menganggap Dr Mahathir seperti abang untuk mendapat nasihat dan panduan.

Dr Mahathir dan Thaksin, dijadual menghadiri Dialog Teknologi dan Perkongsian Perniagaan Malaysia-Thailand selama dua hari.

Dialog bertajuk Menggunakan Perkongsian Strategik Perniagaan dan Teknologi Untuk Pertumbuhan Ekonomi dijangka dihadiri kira-kira 300 peserta.

Ia dianjurkan Kumpulan Industri Kerajaan Untuk Teknologi Tinggi Malaysia (MIGHT) dan Agensi Pembangunan Sains dan Teknologi Thailand (NSTDA), bertujuan mempromosi kerjasama lebih erat dalam pembangunan teknologi dan ekonomi kedua-dua negara.

Sementara itu, pertemuan mereka di The Andaman Langkawi bakal memperkukuhkan kerjasama dua hala kedua-dua negara.

Antara lain, mereka dijangka membincangkan kerjasama berterusan kedua-dua negara berhubung isu penandaan sempadan, perdagangan dan pelaburan, pelaksanaan projek saluran paip merentasi sempadan Malaysia-Thailand di selatan Thailand serta teknologi maklumat dan komunikasi.

Menurut kenyataan akhbar Kementerian Luar, perbincangan dijangka menyentuh isu semasa serantau dan antarabangsa.

Dr Mahathir dan Thaksin sebelum itu dijadual menyampaikan ucapan pada Dialog Perkongsian Perniagaan dan Teknologi Malaysia-Thailand. Pada akhir dialog, mereka dijadual menyaksikan majlis memeterai Deklarasi Bersama mengenai Dialog Rangkakerja Kerjasama Malaysia-Thailand dan dua memorandum persefahaman mengenai kerjasama berhubung kastam dan pasaran saham.

Beliau dijadual berlepas pulang ke Bangkok dari Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi pada pagi Isnin.